

Headline	Sinar Harian	Language	Malay
Media Title	Sultan Nazrin hargai jasa Arshad Ayub	Section/Page No	Nasional/ 6
Date	16/01/2020	Journalist	-
Source	Surat Khabar	Remarks	UiTM

Sultan Nazrin hargai jasa Arshad Ayub

KUALA LUMPUR - Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menyifatkan Tan Sri Dr Arshad Ayub sebagai individu yang bersedia mengambil risiko besar demi kebaikan bangsa Melayu termasuk tindakan memperkenalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di Institut Teknologi Mara (ITM) ketika itu.

Baginda bertitah, tindakan itu bersifat menongkah arus kerana pada akhir 1960-an, tuntutan untuk melaksanakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam universiti



SULTAN NAZRIN

awam sedang memuncak.

Selain bahasa Inggeris, baginda bertitah, Arshad juga memperkenalkan pelbagai bidang pengajian profesional yang selaras dengan keperluan sektor swasta termasuk perakaunan, perbankan, insurans, pengangkutan, hospitaliti dan media di institusi berkenaan yang kemudiannya diangkat menjadi Universiti Teknologi Mara pada 1999.

Baginda bertitah demikian ketika melancarkan buku *Arshad Ayub - Menanam Pokok Tempat Berteduh* terbitan Universiti Malaya di sini kelmarin.


"Sifat degil, beliau telah menghasilkan komuniti Melayu yang menguasai kemahiran profesional selain menguasai kemahiran berkomunikasi yang mengupayakan anak Melayu.

Apa yang menarik, idea dan kedegilan Arshad ketika itu tidak menjurus kepada beliau dilabel sebagai pengkhianat kepada bangsanya malah dianggap sebagai wira."

"Majoritinya berasal dari desa dan kawasan pedalaman, menyertai pelbagai bidang kerjaya dalam sektor swasta bersama komuniti bukan bumiputera," titah baginda semasa memetik sebahagian kandungan buku tersebut.

Sultan Nazrin bertitah, apa yang menarik, idea dan kedegilan Arshad, 92, ketika itu tidak menjurus kepada beliau dilabel sebagai pengkhianat kepada bangsanya malah dianggap sebagai wira dan nasionalis pendidikan sehingga ke hari ini.

Baginda bertitah, episod di ITM itu mencerminkan orang Melayu menghargai, berhasrat, bersedia dan berupaya menguasai bahasa Inggeris serta tidak membantah pengajaran bahasa Inggeris diajar kepada pelajar Melayu asalkan kaedah pengajarannya betul dan berkesan serta membantu penguasaan ilmu.
- *Bernama*



Buku Arshad Ayub - Menanam Pokok Tempat Berteduh yang dilancarkan kelmarin.